

# Raja Zarith Sofiah bergelar Permaisuri Johor

**JOHOR BAHRU 23 Mac** - Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah hari ini dimahkotakan sebagai Permaisuri Johor, gelaran yang digunakan buat pertama kali di negeri ini pada Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor di Istana Besar, di sini.

Gelaran itu diperkenan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang turut dimahkotakan sebagai Sultan Johor Kelima dalam sejarah Johor Moden dalam majlis yang gemilang, penuh tradisi dan mengikut adat Istiadat Kesultanan Johor.

Raja Zarith diputerikan pada 14 Ogos 1959 di Hospital Batu Gajah, Perak dan merupakan puteri kedua

dan anakanda ketiga kepada pasangan Almarhum Sultan Idris Shah dan Raja Perempuan Perak, Raja Muzwin Almarhum Raja Ariff Shah.

Permaisuri Johor itu menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Datin Khadijah, Kuala Kangsar, Perak sebelum meneruskan pendidikan menengahnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Perempuan Kelsom.

Baginda kemudiannya meneruskan pelajaran di Cheltenham Ladies College di England dan kemudian melanjutkan pengajian di Davies College, London pada 1977 sebelum diterima masuk ke Somerville College, University of Oxford pada 1978.

Raja Zarith Sofiah manamatkan pengajian baginda di Univeristy of Oxford dengan Ijazah Bachelor of Arts pada 1983.

Baginda merupakan seorang ahli bahasa dan telah mempelajari beberapa bahasa termasuk Mandarin, Perancis dan Itali selain memiliki bakat seni lukis daripada ayahanda baginda, malah lukisan baginda pernah menjadi hiasan buku cenderamata.

Mendirikan rumah tangga dengan Sultan Ibrahim yang ketika itu merupakan Tunku Mahkota Johor selepas majlis akad nikah berlangsung di Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar pada 22 September 1982 ketika berusia 23 tahun.